

**Pernyataan Penting
untuk Persidangan Bahasa Cina Peringkat Antarabangsa 2023**

**Untuk mempersiapkan diri kita
demi kedatangan Tuan,
kita perlu mengasihi Tuan Yesus,
menerima Dia sebagai hayat kita, berhidupkan-Nya, memperbesar-Nya,
menantikan kedatangan-Nya, dan mengasihi penampilan diri-Nya;
ini seharusnya menjadi hasrat hati kita dan kehidupan kita.**

**Untuk mempersiapkan diri kita
demi kedatangan Tuan,
kita harus memberi perhatian kepada kata penyabda
seperti kepada pelita yang bersinar di tempat gelap
hingga menyingsingnya fajar,
dan Kristus sebagai bintang fajar akan terbit
dan muncul secara tersembunyi dalam hati kita.**

**Untuk mempersiapkan diri kita
demi kedatangan Tuan,
kita perlu menikmati Dia sebagai makanan rohani kita
agar kita dapat memberi makan kepada orang lain;
apabila kita menerima sabda-Nya melalui segala doa
dan apabila kita merenungi sabda-Nya,
iaitu mengecap dan menikmati sabda-Nya
dengan banyak pertimbangan,
kita dapat menikmati-Nya.**

**Untuk mempersiapkan diri kita
demi kedatangan Tuan,
kita perlu mempunyai kehidupan yang dipugarkan,
iaitu kehidupan yang diperbarui hari demi hari
dan jerih lelah menggembala,
dengan mempunyai hati Tuhan Bapa kita
yang penuh kasih dan pengampunan
serta roh Kristus Penyelamat kita
yang menggembala dan mencari.**

**Garis Kasar Mesej
untuk Persidangan Bahasa Cina Peringkat Antarabangsa 2023
17-19 Februari 2023**

**SUBJEK AM:
MEMPERSIAPKAN DIRI KITA UNTUK KEDATANGAN TUAN**

Mesej Satu

**Mempersiapkan Diri Kita untuk Kedatangan Tuan
dengan Mengasihi Penampilan Diri-Nya
dan Tidak Mengasihi Zaman Sekarang**

Bacaan Bible: 2 Tim. 4:8, 10, 18; Roma 12:2; 1 Yoh. 2:15; 5:19b; Wahi 17:14; 22:20

I. Jika kedatangan kedua Tuan amat berharga bagi kita, kita akan mengasihi penampilan diri-Nya—2 Tim. 4:8:

- A. Mengasihi penampilan diri Tuan dan mengasihi Tuan sendiri tidak dapat dipisahkan—1 Kor. 2:9; 2 Tim. 4:8.
- B. Jika kita sedang menunggu kedatangan Tuan, kita harus menjadi orang yang mengasihi penampilan diri-Nya—1 Tes. 1:10; 2 Tim. 4:8.
- C. Penampilan diri Tuan, kedatangan-Nya kembali, ialah suatu amaran, galakan, dan insentif kepada kita—ay. 1, 18:
 - 1. Kita harus mengasihi penampilan diri Tuan dan menantinya dengan harapan yang besar dan penuh riang—Wahi 22:20.
 - 2. Kita harus mempunyai sejenis kehidupan yang mengasihi penampilan diri Tuan; ini akan menjadikan kita tidak tawar hati tetapi kekal setia hingga akhir—2 Tim. 4:8; Wahi 17:14.

II. “Jangan kasihi dunia dan apa yang ada di dunia. Jika sesiapa mengasihi dunia, kasih untuk Bapa tidak ada dalamnya”—1 Yoh. 2:15:

- A. Dunia ialah sistem jahat yang diatur secara sistematik oleh Syaitan—ay. 15-17; Yak. 4:4:
 - 1. Tuhan mencipta manusia agar manusia hidup di bumi ini untuk menggenapi tujuan-Nya, namun untuk menduduki manusia ciptaan Tuhan, musuh-Nya Syaitan telah membentuk satu sistem dunia yang anti-Tuhan di bumi ini dengan mensistamkan manusia melalui kebudayaan, pendidikan, industri, perdagangan, hiburan, dan agama—Ef. 3:11; Kej. 1:26-28; 2:8-9; 4:16-24.
 - 2. Semua hal yang ada di bumi, terutamanya hal-hal yang berkaitan dengan manusia, dan semua hal di udara telah disistamkan oleh Syaitan menjadi kingdom kegelapannya untuk menduduki manusia dan menghalang mereka daripada menggenapi tujuan Tuhan dan menyimpangkan mereka daripada kenikmatan terhadap Tuhan—1 Yoh. 2:15-17.
 - 3. Dunia menentang Tuhan Bapa, hal-hal di dunia menentang kehendak Tuhan, dan orang yang mengasihi dunia ialah musuh Tuhan—ay. 15-17; Yak. 4:4.
- B. “Seluruh dunia”, yakni sistem kesyaitanan, “terletak dalam yang jahat itu”—1 Yoh. 5:19b:
 - 1. “Seluruh dunia” terdiri daripada sistem dunia kesyaitanan dan orang di dunia, iaitu umat manusia yang jatuh.
 - 2. *Terletak* bermaksud tinggal secara pasif dalam lingkungan perampasan dan manipulasi yang jahat itu; seluruh dunia dan orang di dunia terletak secara pasif di bawah tangan Syaitan yang merampas dan memanipulasi, iaitu yang jahat itu.
 - 3. Perkataan Yunani yang diterjemahkan sebagai “jahat” dalam 1 Yoh. 5:19 merujuk kepada seseorang yang membawa maut, yang sangat jahat, seseorang

yang mempengaruhi orang lain agar menjadi jahat dan ganas; yang jahat itu ialah Syaitan, iblis, yang dalamnya terletak seluruh dunia.

- C. Syaitan sedang mempergunakan dunia fizikal dan hal-hal yang ada di dunia ini, untuk menyatukan segala sesuatu pada akhirnya dalam kingdom Antikristus; pada ketika itu sistem dunia akan mencapai kemuncaknya, dan setiap unitnya akan dinyatakan sebagai anti-Kristian—2 Tes. 2:3-12.

III. Mengasihi penampilan diri Tuan bertentangan dengan mengasihi zaman sekarang—2 Tim. 4:8, 10:

- A. Zaman ialah satu bahagian, atau satu aspek sistem dunia Syaitan, yang digunakannya untuk merampas dan menduduki manusia dan menjauhkan mereka daripada Tuhan dan tujuan-Nya—1 Yoh. 5:19; 2:15.
- B. Dalam 2 Timotius 4:10, *zaman sekarang* merujuk kepada dunia yang mengelilingi kita, menarik, dan menggoda kita; kita tidak dapat menghubungi dunia melainkan kita menghubungi dunia zaman sekarang.
- C. Demas mengasihi zaman sekarang; disebabkan tarikan zaman sekarang, dia meninggalkan dutus Paulus—ay.10.
- D. Dalam Roma 12:2, Paulus menasihati kita agar jangan dibentuk mengikut zaman ini tetapi ditransform melalui pembaruan minda:
 - 1. *Zaman ini* dalam ayat 2 merujuk kepada bahagian dunia yang terkini dan praktikal, yang berlawanan dengan kehidupan Tubuh dan menggantikan kehidupan Tubuh—ay. 4-5.
 - 2. Dibentuk mengikut zaman ini bermaksud mengikut fesyen moden zaman sekarang; ditransform bererti membenarkan elemen organik digarapkan ke dalam diri kita, dengan itu menghasilkan perubahan metabolik secara dalaman—ay. 2; 2 Kor. 3:18.
 - 3. Oleh sebab zaman sekarang menentang gereja, iaitu kehendak Tuhan, kita tidak harus dibentuk mengikutnya—Roma 12:2.
 - 4. Jika kita ingin hidup dalam Tubuh Kristus, kita tidak harus mengikut zaman sekarang atau dibentuk mengikut zaman ini atau dikonform kepadanya—ay. 4-5.
- E. Jika kita mengasihi zaman sekarang, kita akan berpihak kepada dunia; jika kita mengasihi penampilan diri Tuan, kita akan berpihak kepada-Nya dan berjuang bersama dengan-Nya demi kepentingan-Nya—2 Tim. 4:1-2, 4-8, 10.

IV. Orang yang mengasihi Tuan, menantikan kedatangan-Nya, dan mengasihi penampilan diri-Nya akan jayeng—1 Kor. 2:9; 2 Tim. 4:8; Wahi 22:20; 17:14:

- A. Mengasihi penampilan diri Tuan merupakan bukti bahawa kita mengasihi Tuan dan hidup untuk-Nya hari ini; oleh itu, ini juga menjadi syarat bagi kita menerima ganjaran-Nya—2 Tim. 4:8, 18.
- B. Mengasihi penampilan diri Tuan tidak bermaksud kita tidak perlu menjalani kehidupan yang normal; sebaliknya, semakin kita mengasihi penampilan diri-Nya, semakin kita perlu menjalani kehidupan yang normal hari ini—Mat. 24:40-42; 2 Tes. 1:10; 3:6-12; 1 Tim. 5:8.
- C. Sebagai orang yang mengasihi Tuan Yesus, menerima Dia sebagai hayat kita, berhidupkan-Nya, dan memperbesar-Nya, kita harus menantikan kedatangan-Nya dan mengasihi penampilan diri-Nya; ini seharusnya menjadi hasrat hati kita dan kehidupan kita sebagai orang yang berharap untuk masuk ke dalam kegembiraan-Nya, diselamatkan ke dalam kingdom syurgawi Tuan, dan menerima mahkota keadilanbenaran—2 Tim. 4:8, 18.